

**KEBERKESANAN PENGURUSAN WAKAF: ANALISIS LITERASI WAKAF DAN
KRISIS KEPERCAYAAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT*****EFFECTIVENESS OF WAQF MANAGEMENT: AN ANALYSIS OF WAQF LITERACY
AND THE TRUST CRISIS AMONG THE COMMUNITY***Suraini Saufi¹ *Nurul Akma Mohamed²Mujiburrahman Muhammad Saleh³Hamidi Abdul Ghani⁴¹Faculty of Management and Human Development. Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

(Emel: suraini@kias.edu.my)

²Faculty of Syariah and Muamalat. Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

(Emel: nurulakma@kias.edu.my)

³Faculty of Syariah and Muamalat. Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia.

(Emel: mujiburrahman@kias.edu.my)

⁴Faculty of Syariah and Muamalat. Sultan Ismail Petra International Islamic College (KIAS), 15730, Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, Malaysia. (Emel: hamidi@kias.edu.my)

*Corresponding author: suraini@kias.edu.my

Abstrak

Wakaf sebagai salah satu sistem kewangan sosial Islam mempunyai skop dan ruang lingkup yang masih luas untuk diterokai. Namun, kesedaran dan tahap pengetahuan masyarakat masih lagi terikat dengan wakaf tradisional yang menyebabkan manfaat maksimum wakaf ini tidak dapat dicapai dan institusi pengurusan wakaf selalu dipersalahkan sekiranya berlaku isu berkaitan. Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengkaji hubungan literasi wakaf dalam dimensi literasi definisi, konsep, sumbangan dan perundangan dengan kepercayaan masyarakat umum terhadap institusi pengurusan wakaf. Sebanyak 500 data dari seluruh Malaysia telah dianalisis. Ujian korelasi Pearson dalam SPSS menunjukkan bahawa kesemua dimensi tersebut mempunyai hubungan positif, walaupun nilai korelasi daripada dimensi konsep adalah amat rendah. Peningkatan literasi wakaf dilihat sebagai kunci kepada pengukuhan kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf dan pembangunan sosioekonomi Islam yang mampan. Justeru, pihak berkepentingan perlu melihat keperluan untuk meningkatkan literasi ini sebagai perkara yang penting agar sumbangan wakaf dapat dioptimumkan untuk pembangunan sosio ekonomi umat Islam yang lebih mampan dan institusi pengurusan mendapat kepercayaan yang tinggi daripada masyarakat umum.

Katakunci: Wakaf, literasi, kewangan sosial, kepercayaan

Abstract

Waqf, as one of the Islamic social finance systems, still has a broad scope and potential to be explored. However, public awareness and knowledge remain largely confined to traditional forms of waqf, which prevents its maximum benefits from being realized. Consequently, waqf management institutions are often blamed whenever related issues arise. Therefore, this study was conducted to examine the relationship between waqf literacy across the dimensions of definition, concept, contribution and legislation toward public trust in waqf management institutions. A total of 500 data samples from across Malaysia were analyzed. The Pearson correlation test in SPSS showed that all the dimensions had a positive relationship, although the correlation value for the concept dimension was very low.. The enhancement of waqf literacy is seen as a key factor in strengthening public trust in waqf management institutions and in supporting sustainable Islamic socio-economic development. Therefore, stakeholders must recognise the importance of improving this literacy so that waqf contributions can be optimised for more sustainable socio-economic development of the Muslim community, and so that management institutions can gain greater trust from the general public.

Keywords: *Waqf, literacy, social finance, trust*

PENDAHULUAN

Pentadbiran dan pengurusan wakaf di Malaysia diletakkan di bawah tanggungjawab Majlis Agama Islam negeri, yang berperanan sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua harta wakaf sebagaimana ditetapkan oleh undang-undang negeri. Sebagai contoh, Seksyen 89 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 memperuntukkan bahawa “Majlis menjadi pemegang amanah tunggal wakaf, nazar dan amanah” (Ab Rahman, 2009). Bagi memperkukuh tadbir urus ini, Kerajaan Malaysia menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 27 Mac 2004 dan melancarkannya secara rasmi pada 8 Oktober 2004 sebagai usaha memastikan pengurusan wakaf, zakat, mal dan haji menjadi lebih sistematik, tersusun dan berkesan di seluruh negara (Laporan Tahunan JAWHAR, 2007).

Walaupun struktur pentadbiran ini penting untuk memastikan keberkesanan pengurusan wakaf, masyarakat Islam masih cenderung melihat wakaf dalam skop yang terhad kepada amalan keagamaan seperti pembinaan

masjid, pondok, pusat tahfiz dan tanah perkuburan (Abdullah & Zahari, 2019). Walaupun tujuan-tujuan ini signifikan, ia tidak mencukupi untuk membina daya saing serta memberi impak sosioekonomi yang lebih holistik, kerana institusi-institusi tersebut memerlukan dana berterusan untuk berfungsi dengan baik. Kekurangan pembiayaan boleh menjejaskan keberkesanan institusi berkenaan dan seterusnya membawa kepada pembaziran aset wakaf yang sedia ada.

Menurut Ibrahim, Adenan, Mohd Arif, Wan Jusoh dan Mat Rani (2025), pengurusan wakaf sebelum ini juga tertumpu kepada wakaf tradisional iaitu aset tetap seperti tanah dan bangunan. Walaupun kaedah ini terbukti berkesan, namun kurang fleksibel dalam memenuhi keperluan masyarakat yang dinamik dan sentiasa berubah-ubah. Kaedah dan pendekatan ini menghadapi cabaran yang besar dalam konteks ekonomi moden yang memerlukan fleksibiliti dan inovasi dalam pengurusan aset. Instrumen wakaf yang lebih dinamik perlu diperkenalkan bagi memenuhi keperluan semasa. Lebih-lebih lagi apabila terdapat pelbagai inovasi dalam wakaf seperti wakaf tunai. Wakaf tunai membolehkan pewakaf mewakafkan sumbangan dalam bentuk wang yang kemudiannya dilaburkan dalam pelbagai instrumen kewangan yang patuh syariah (Ibrahim et al., 2025). Hasil daripada pelaburan ini digunakan untuk tujuan kebajikan yang ditetapkan oleh pewakaf, menjadikan pengurusan wakaf lebih fleksibel dan berdaya saing dalam ekonomi semasa.

Sumbangan wakaf akan dipengaruhi oleh kesedaran dan kepercayaan pewakaf, 'mawquf alaih' dan juga masyarakat umum (Mohamad Suhaimi, 2024). Reputasi institusi wakaf yang tercalar dengan tahap kepercayaan yang rendah akan menjejaskan sumbangan masyarakat secara keseluruhannya. Kajian lepas daripada Saufi et al. (2021) menunjukkan bahawa literasi wakaf dalam skop sumbangan adalah tinggi, namun hubungannya dengan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan wakaf hanya positif signifikan pada tahap sederhana. Ini menunjukkan bahawa literasi yang terhad kepada aspek sumbangan belum mencukupi untuk meningkatkan kepercayaan secara menyeluruh.

Oleh itu, kajian baharu ini menyumbang dengan menguji literasi wakaf dalam skop yang lebih luas merangkumi konsep, definisi dan perundangan wakaf. Pendekatan ini bertujuan memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang tahap kefahaman masyarakat serta bagaimana dimensi literasi yang lebih komprehensif dapat menjelaskan hubungan sebenar antara pengetahuan wakaf dan kepercayaan terhadap institusi pengurusan wakaf.

SOROTAN LITERATUR

Malaysia sebenarnya memiliki rizab tanah wakaf yang amat besar. Pembangunan tanah- tanah wakaf ini pastinya akan dapat menjana ekonomi umat Islam. Keluasan tanah wakaf di Malaysia sejak 2015 ialah sebanyak 11, 091.82 hektar di mana sebanyak 4, 836.50 adalah tanah wakaf am dan tanah wakaf khas adalah sebanyak 6,225.32. (Mohamed et al., 2022). Amat rugi jika keluasan tanah wakaf ini diabaikan kerana ia berpotensi besar untuk meningkatkan taraf sosial dan ekonomi masyarakat, khususnya umat Islam di negara ini, di samping kaum-kaum lain. Walaupun tanah wakaf ini bertaburan dan tidak begitu ekonomik untuk dibangunkan, namun perancangan pembangunan tanah wakaf wajar diteruskan supaya mampu memberi manfaat yang optimum kepada masyarakat Islam .

I- Isu Pengurusan Wakaf

Sejak 1998 lagi masalah pengurusan wakaf pernah disebut oleh Othman (1998) dalam artikelnya bertajuk Wakaf dari Perspektif Undang-undang Islam, Amalan dan Permasalahannya di Malaysia. Antara permasalahan ialah tidak ada peruntukan undang-undang mengenai bidang kuasa yang diberikan kepada pihak yang dipertanggungjawabkan, tindakan undang-undang terhadap penceroboh harta wakaf, tuntutan-tuntutan pewaris wakaf yang tidak dipindah hak milik, kekurangan kakitangan, masyarakat belum cukup faham amalan wakaf yang sebenarnya, rekod-rekod harta wakaf tidak lengkap, dan tindakan mengenai sewa yang tidak munasabah. Isu- isu ini telah menimbulkan ketidakpercayaan masyarakat terhadap pengurusan wakaf sehingga sekarang.

Antara punca pelbagai isu yang berlaku adalah berakar umbi daripada cetek kefahaman dan pengetahuan mengenai wakaf atau dengan terma lain ialah cetek literasi wakaf. Literasi bermaksud keupayaan seseorang memahami dan mengolah maklumat yang diperoleh melalui membaca dan menulis. Istilah ini juga dikenali sebagai celik huruf. Namun, maksud literasi kini lebih luas, termasuk celik maklumat, celik teknologi, berfikir kritis, dan peka terhadap persekitaran. Seseorang dianggap celik ilmu apabila memperoleh pengetahuan daripada bacaan yang tepat serta mampu mengamalkannya dalam tindakan . (Sulistiani et al., 2021). Dalam konteks kajian ini, literasi merujuk kepada keupayaan memahami, menggunakan, dan mengaplikasikan pengetahuan atau kemahiran dalam pelbagai konteks kehidupan sehari-hari (Herawati, 2020).

Sebelum ini, kebanyakan kajian yang dilakukan lebih tertumpu kepada perundangan serta isu-isu semasa mengenainya (Yusoff et al., 2019; Khamis & Che Mohd Salleh, 2018; Mahmood et al., 2017; Ismail et al., 2015). Topik tentang kesedaran masyarakat hanya terdapat di ruangan kesimpulan atau saranan. Walaubagaimanapun, terdapat beberapa kajian mengenai kefahaman masyarakat mengenai institusi ini. Kebanyakkan hasil kajian mendapati bahawa tahap kefahaman masyarakat terhadap hal ini adalah di tahap sederhana (Mohamad Suhaimi & Ahmad Safri, 2017)

Kesedaran serta kefahaman masyarakat dalam sesuatu perkara merupakan tunggak atau asas kepada kejayaan sesebuah negara di dalam pembangunan ekonomi. Ini kerana masyarakat sebagai penduduk di sesebuah negara bertindak selaku agen ekonomi. Oleh itu, tahap literasi masyarakat perlulah diambil berat dalam menjayakan sesuatu objektif. Ini juga membuktikan masyarakat masih belum sedar nilai sebenar institusi wakaf. Masih terdapat lagi golongan yang keliru di antara wakaf dan sedekah sedangkan kedua-duanya mempunyai perbezaan serta konsepnya yang tersendiri (Iqbal, 2024). Kelayakan orang bukan Islam dalam menerima manfaat wakaf juga masih dipersoalkan oleh

masyarakat. Ini membuatkan skop wakaf menjadi lebih kecil dari yang sepatutnya.

Waqaf, secara ringkas, boleh didefinisikan sebagai harta yang disumbangkan di jalan Allah untuk dimanfaatkan oleh orang ramai. Ia adalah suatu sistem muamalat Islam yang wajar dikaji dan dibangunkan sebagai sebuah institusi kewangan Islam yang mampu menaiktaraf ekonomi negara, negeri, dan masyarakat. Wakaf juga merupakan salah satu daripada instrumen kewangan dalam Siyasah Maliyyah iaitu polisi fiskal negara dalam Islam. Menurut catatan sejarah, waqaf yang pertama di dalam Islam telah dilaksanakan sendiri oleh Nabi Muhammad SAW melalui pembinaan Masjid Quba' dan kemudian diikuti pula oleh pembinaan Masjid Nabawi di Madinah. Pembinaan dua masjid terawal di dalam sejarah Islam melalui kaedah waqaf ini adalah sangat penting di dalam pembangunan masyarakat kerana masjid-masjid tersebut telah terbukti keberkesannya sebagai pusat pentadbiran masyarakat (Maulana, 2025; Ulfah, 2024; Juliati & HRP, 2024).

Manakala dari sudut ibadah pula, para Fuqaha' berpandangan bahawa amalan waqaf mempunyai dua matlamat asas iaitu: pertama, untuk menyumbang kepada kebajikan masyarakat yang tertentu dan kedua adalah sumber bekalan pahala secara berterusan untuk dibawa menghadap Allah kelak. Meskipun sumbangan waqaf tidaklah diwajibkan terhadap umat Islam, namun ia merupakan satu bentuk pengabdian kepada Allah yang telah diberi jaminan bahawa penyumbanganya akan mendapat pahala yang berterusan walaupun sesudah meninggal dunia. Dari sudut yang berbeza, waqaf adalah suatu sistem kewangan yang menggalakkan umat Islam supaya menyumbang sebahagian daripada harta mereka untuk tujuan pembangunan masyarakat seperti pembinaan masjid, hospital dan klinik kesihatan, penginapan sementara, koperasi, perpustakaan dan sebagainya. Selain itu, waqaf juga berperanan sebagai penggerak ekonomi ummah melalui pembinaan sekolah, universiti, pusat latihan, dan sebagainya yang boleh dimanfaatkan oleh umat Islam untuk menguasai ilmu fardu ain dan fardu kifayah. Salah satu contoh kejayaan sistem

waqaf yang masyhur ialah pembinaan dan operasi Universiti Al-Azhar yang hampir keseluruhannya ditaja oleh dana wakaf yang diuruskan oleh Kementerian Waqaf Mesir (Mohamed et al., 2022).

Teori Literasi Kewangan (*Financial Literacy Theory*) oleh Lusardi dan Mitchell (2014), yang menegaskan bahawa literasi kewangan ialah pelaburan modal insan yang mempengaruhi tingkah laku dan keputusan ekonomi. Dalam konteks wakaf, teori ini diadaptasi dengan menambah dimensi khusus yang meliputi pengetahuan hukum dan syarat wakaf, jenis dan bentuk harta wakaf, kebolehan mengubah harta wakaf, serta pembangunan ekonomi dan impak sosial. Teori Tadbir Urus Wakaf (*Waqf Governance Theory*) pula sebagaimana dihuraikan oleh Hassan, Kassim dan Majid (2018), yang menekankan keperluan ketelusan, akauntabiliti, dan pematuhan Syariah sebagai asas keberkesanan pengurusan wakaf. Gabungan kedua-dua teori ini membentuk asas konseptual bagi menilai tahap literasi wakaf dan implikasinya terhadap keberkesanan pengurusan wakaf di Malaysia (Saufi et al., 2021; Saufi et al., 2024). Bagi mengkaji literasi wakaf, kajian ini menggunakan beberapa dimensi literasi wakaf sebagai pemboleh ubah tidak bersandar iaitu literasi wakaf dari segi definisi, konsep, sumbangan dan perundangan dan kepercayaan sebagai pemboleh ubah bersandar

II- Kepercayaan

Kepercayaan pada asasnya merujuk kepada tahap kebolehppercayaan seseorang, sesuatu perkara atau sistem. Ia boleh ditakrifkan sebagai keyakinan yang dimiliki oleh seseorang atau sekumpulan orang terhadap pihak lain. Secara ringkasnya, ia merujuk kepada sejauh mana setiap pihak merasakan mereka boleh bergantung kepada pihak lain untuk menunaikan janji dan melakukan seperti yang dikatakan (Altaba & Iddid, 2020)

Pemboleh ubah kepercayaan merujuk kepada tahap keyakinan masyarakat terhadap sistem pengurusan wakaf yang dilaksanakan oleh institusi berkaitan. Kepercayaan ini dapat dilihat melalui persepsi bahawa sistem

pengurusan wakaf adalah baik, mematuhi peraturan, serta boleh dijadikan rujukan yang sahih dalam hal berkaitan wakaf. Masyarakat juga menilai tahap kepercayaan mereka berdasarkan kemudahan yang disediakan oleh institusi wakaf dalam memudahkan urusan berwakaf, sama ada dari segi prosedur, maklumat mahupun saluran penyampaian manfaat. Selain itu, aspek keselamatan dalam pengurusan harta wakaf turut menjadi asas penting kepada keyakinan masyarakat, kerana mereka ingin memastikan harta yang diwakafkan benar-benar terpelihara dan dimanfaatkan secara telus. Oleh itu, semakin tinggi tahap kepercayaan masyarakat terhadap sistem pengurusan wakaf, semakin besar potensi sokongan dan penglibatan mereka dalam menyumbang serta memperkasa amalan wakaf di peringkat individu mahupun komuniti (Altabaa & Iddid, 2020; Ibrahim et al., 2025).

III- Literasi Wakaf Dari Sudut Definisi

Dalam kajian ini, istilah ‘definisi’ dirujuk sebagai satu pernyataan yang menjelaskan maksud sesuatu perkataan atau frasa (Cambridge University Press, 2025). Fokus terhadap definisi ini selaras dengan amalan penyelidik lain, yang menekankan kepentingan menyediakan asas yang jelas sebelum menganalisis dimensi lain dalam kajian mereka bagi memastikan pemahaman yang menyeluruh dan konsisten.

Dalam literasi wakaf, pemboleh ubah definisi merujuk kepada sejauh mana masyarakat memahami maksud sebenar wakaf sebagai satu ibadah yang bersifat kekal manfaatnya serta berbeza daripada sedekah biasa. Definisi wakaf meliputi kefahaman bahawa wakaf adalah menahan hak pewakaf ke atas hartanya untuk tujuan kebajikan, merupakan satu bentuk sedekah jariah, serta boleh dilaksanakan dalam pelbagai bentuk khusus seperti wakaf tunai, wakaf ekonomi, wakaf kesihatan, wakaf pertanian dan wakaf korporat (Mohamed et al., 2022). Kefahaman terhadap takrifan ini penting kerana ia membentuk asas pemahaman masyarakat sebelum mereka menilai aspek konsep, perundangan atau sumbangan wakaf. Sekiranya masyarakat jelas tentang definisi wakaf,

mereka lebih mudah menilai ketelusan dan keupayaan institusi pengurusan wakaf, sekali gus mendorong kepada tahap kepercayaan yang lebih tinggi terhadap institusi tersebut. Maka hipotesis kajian ialah:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara literasi terhadap definisi wakaf dengan kepercayaan masyarakat terhadap organisasi pengurusan wakaf.

IV- Literasi Wakaf Dari Sudut Konsep

Istilah “konsep” dirujuk mengikut Kerlinger & Lee (2000) sebagai gagasan atau idea yang dibentuk melalui generalisasi daripada perkara-perkara tertentu. Dalam literasi wakaf, pemboleh ubah konsep merujuk kepada pemahaman masyarakat terhadap prinsip, tujuan dan peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam. Konsep wakaf melibatkan kefahaman tentang syarat dan ciri asasnya, misalnya bahawa syarat sah wakaf adalah berbeza daripada sedekah, fizikal harta wakaf hendaklah berkekalan, serta pewakaf akan memperoleh kebajikan berterusan walaupun selepas meninggal dunia.

Pemahaman konsep juga merangkumi isu-isu seperti keharusan orang bukan Islam mendapat manfaat daripada harta wakaf, kebolehan orang miskin melaksanakan wakaf tunai, serta pandangan mengenai sama ada harta wakaf boleh dijual, digadai, dipindah milik, dihadiahkan atau dibatalkan. Selain itu, kefahaman masyarakat terhadap bentuk harta wakaf juga penting, sama ada ia terhad kepada tanah dan bangunan sahaja atau boleh dikembangkan kepada bentuk lain seperti wakaf tunai, wakaf saham, dan wakaf korporat.

Dalam konteks lebih luas, konsep wakaf turut merangkumi kefahaman bahawa harta wakaf boleh dimanfaatkan untuk tujuan ibadah semata-mata atau juga untuk pembangunan ekonomi dan kebajikan masyarakat (Saprida et. al., 2025). Kefahaman yang jelas tentang keseluruhan konsep ini dapat mempengaruhi keyakinan masyarakat terhadap keberkesanan institusi

pengurusan wakaf dalam mengurus serta membangunkan harta wakaf untuk kesejahteraan ummah. Maka hipotesis kajian ialah:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara literasi terhadap konsep wakaf dengan kepercayaan masyarakat terhadap organisasi pengurusan wakaf.

V- Literasi Wakaf Dari Sudut Sumbangan

Dalam literasi wakaf, pemboleh ubah sumbangan merujuk kepada tahap kefahaman masyarakat tentang peranan dan manfaat yang dapat disalurkan melalui dana wakaf (Saufi et al., 2021). Sumbangan wakaf dapat dilihat dalam pelbagai bentuk, antaranya membiayai pembinaan infrastruktur awam, kilang, dan bekalan air yang memberi manfaat terus kepada masyarakat. Selain itu, hasil daripada wakaf pertanian boleh digunakan bagi keperluan anak yatim, manakala wakaf kesihatan pula berperanan membantu menyelesaikan masalah rawatan yang dihadapi umat Islam.

Dari sudut ekonomi, wakaf berupaya menyediakan peluang pekerjaan (Adevita et al., 2024) bukan sahaja kepada umat Islam malah juga kepada bukan Islam, di samping mengurangkan jumlah golongan asnaf fakir miskin. Sumbangan wakaf juga meliputi bidang pendidikan, di mana institusi pendidikan boleh menjadi penerima manfaat wakaf. Malah, kefahaman masyarakat tentang sumbangan turut merangkumi pandangan bahawa orang bukan Islam boleh mewakafkan harta milik mereka untuk kepentingan umat Islam. Justeru, kefahaman tentang pelbagai bentuk sumbangan wakaf ini boleh mempengaruhi tahap keyakinan masyarakat terhadap kemampuan institusi pengurusan wakaf dalam mengoptimumkan manfaat harta wakaf untuk kesejahteraan ummah. Maka hipotesis kajian ialah:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara literasi terhadap sumbangan wakaf dengan kepercayaan masyarakat terhadap organisasi pengurusan wakaf.


VI- Literasi Wakaf Dari Sudut Perundangan

Literasi perundangan didefinisikan sebagai mempunyai asas dalam kompetensi undang-undang, mampu menggunakan pengetahuan tersebut serta berfikir secara kritikal berkaitan proses dan sumber perundangan, dan dapat mengaplikasikan pengetahuan itu apabila diperlukan (Suhaimi & Mohd Yaakob, 2025). Dalam literasi wakaf, pemboleh ubah perundangan merujuk kepada kefahaman masyarakat terhadap kerangka undang-undang yang mengawal dan menjamin pengurusan wakaf. Kefahaman ini merangkumi kesedaran bahawa pengurusan wakaf sememangnya tertakluk kepada undang-undang yang digubal bagi memastikan harta wakaf diurus secara sah, telus, dan menepati syariah (Mohamed et al., 2021).

Undang-undang memainkan peranan penting sebagai panduan dalam setiap urusan wakaf, bermula daripada proses pewartaan harta wakaf, penetapan statusnya sebagai milik kekal, hinggalah kepada pemantauan dan kawal selia institusi yang menguruskannya. Dengan adanya peruntukan undang-undang wakaf, sebarang salah guna atau penyelewengan dapat dielakkan, selain menjamin hak pewakaf dan penerima manfaat. Kefahaman masyarakat terhadap aspek perundangan ini juga merangkumi keyakinan bahawa institusi wakaf tidak boleh bertindak sewenang-wenangnya dalam mengurus harta wakaf tanpa mengikut prosedur yang sah. Justeru, apabila masyarakat jelas bahawa setiap pengurusan wakaf dilaksanakan berlandaskan undang-undang yang sah dan diwartakan, mereka akan lebih percaya kepada integriti dan kebolehpercayaan institusi wakaf. Kefahaman tentang peranan undang-undang dalam memastikan ketelusan, keadilan, dan kepatuhan syariah ini akhirnya membolehkan masyarakat menilai bahawa institusi wakaf benar-benar berfungsi sebagai pemegang amanah yang bertanggungjawab terhadap harta yang diwakafkan. Maka hipotesis kajian ialah:

H1: Terdapat hubungan yang signifikan antara literasi terhadap perundangan wakaf dengan kepercayaan masyarakat terhadap organisasi pengurusan wakaf.

Berdasarkan semua perbincangan dan hipotesis di atas maka kerangka kajian telah dibina sebagaimana berikut:-



Rajah 1: Kerangka Kajian

METODOLOGI

Penyelidikan ini dijalankan menggunakan kaedah kuantitatif dengan analisis korelasi Pearson bagi menilai hubungan antara dimensi-dimensi literasi wakaf dan tahap kepercayaan masyarakat. Pendekatan kuantitatif membolehkan pengukuran reaksi dan tindak balas responden terhadap soal selidik secara terhad, serta membolehkan analisis isu yang dikaji dilakukan secara sistematik dan tepat. Data kuantitatif juga lebih mudah dianalisis dan dapat dikemukakan dalam masa yang singkat (Patton, 1990).

Populasi kajian ini merangkumi seluruh rakyat Malaysia berumur 18 tahun ke atas. Menurut statistik, jumlah penduduk Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas pada tahun 2020 ialah seramai 25 juta (Perangkaan Malaysia, 2020). Sasaran populasi kajian ialah warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas dengan pelbagai latar belakang pendidikan, bermula daripada Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan ke atas. Berdasarkan panduan Hair, Black, Babin, & Anderson (2018), analisis korelasi memerlukan sekurang-kurangnya 50 sampel, dengan 100 sampel biasanya dianggap sesuai untuk kajian. Selain itu, Krejcie dan Morgan

(1970) mencadangkan 384 sampel mencukupi bagi populasi 1,000,000 atau lebih. Kajian ini menggunakan 500 responden sebagai sampel.

Soal selidik diedarkan secara talian melalui Google Form menggunakan Skala Likert Lima Mata, bermula dari “Sangat Tidak Setuju”, “Tidak Setuju”, “Tidak Pasti”, “Setuju” hingga “Sangat Setuju”. Instrumen kajian diadaptasi daripada Ahmad Fatin et al. (2017) dan Saufi et al. (2021). Analisis hubungan antara dimensi literasi wakaf dan tahap kepercayaan masyarakat dilakukan menggunakan Pearson’s correlation (r) bagi menilai arah dan kekuatan hubungan linear antara pemboleh ubah.

Nilai kebolehpercayaan instrumen menunjukkan keseluruhan pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini berada di tahap yang memuaskan. Jadual 1 menunjukkan nilai cronbach’s alpha bagi setiap pemboleh ubah definisi, konsep, sumbangan, undang-undang dan kepercayaan terhadap organisasi pengurusan wakaf.

Jadual 1: Ujian Kebolehpercayaan Kajian Rintis

Pemboleh Ubah	Item	Cronbach’s Alpha
Definisi Wakaf	8	0.794
Konsep Wakaf	21	0.753
Sumbangan	10	0.890
Undang-undang Wakaf	3	0.925
Kepercayaan	5	0.967

Nilai cronbach’s alpha bagi setiap pemboleh ubah yang terlibat adalah melebihi nilai 0.7, ini membuktikan bahawa kaji selidik yang digunakan dalam kajian ini dipercayai dan boleh diterima untuk diguna pakai.

DAPATAN KAJIAN

Pekali korelasi Pearson’s (r) digunakan untuk menganalisis korelasi pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar bagi data yang bertaburan normal dengan julat nilai r di anantara -1 hingga 1 sahaja (Sekaran, 2000). Sekiranya memperoleh nilai 0 bermakan tidak terdapat hubungan antara dua pemboleh

ubah yang terlibat. Tanda positif pada nilai r menunjukkan terdapat hubungan yang positif di antara dua pemboleh ubah yang terlibat dan membawa maksud satu peningkatan dalam pemboleh ubah tersebut akan menyebabkan pemboleh ubah lain juga turut meningkat. Manakala nilai negatif pada nilai r menunjukkan terdapat hubungan yang negatif di antara dua pemboleh ubah yang terlibat dan membawa maksud satu peningkatan dalam pemboleh ubah tersebut akan menyebabkan pemboleh ubah lain menurun (Pallant, 2011). Jadual 1 menunjukkan peraturan praktikal kekuatan hubungan pekali korelasi r berdasarkan cadangan Hair, et al., (2006).

Jadual 2: Peraturan Praktikal Kekuatan Hubungan Pekali Korelasi

Julat	Kekuatan Hubungan
± 0.91 to ± 1.00	Sangat Kuat
± 0.71 to ± 0.90	Kuat
± 0.41 to ± 0.70	Sederhana
± 0.21 to ± 0.40	Lemah
± 0.01 to ± 0.20	Sangat Lemah

Dalam kajian ini, analisis pekali korelasi r digunakan untuk mengenal pasti dan menguji kekuatan hubungan antara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar. Jadual 2 menunjukkan keputusan analisis korelasi r . Berdasarkan analisis korelasi r , nilai hubungan definisi wakaf dengan kepercayaan terhadap organisasi pengurusan wakaf adalah 0.466 (nilai- $p < 0.01$), yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif yang sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Hasil analisis ini dapat dijelaskan bahawa responden dengan definisi wakaf yang positif cenderung akan mempunyai kepercayaan yang positif terhadap organisasi pengurusan wakaf. Maka Hipotesis 1 adalah diterima.

Manakala analisis korelasi r untuk nilai hubungan konsep wakaf dengan kepercayaan terhadap organisasi pengurusan wakaf adalah 0.049 (nilai- $p > 0.01$), yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang sangat lemah dan

tidak signifikan antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Hasil analisis ini dapat dijelaskan bahawa responden dengan konsep wakaf positif yang lemah mungkin akan mempunyai kepercayaan yang positif terhadap organisasi pengurusan wakaf. Maka Hipotesis 2 adalah diterima walaupun hubungan yang lemah.

Nilai korelasi r untuk hubungan sumbangan wakaf dengan kepercayaan terhadap organisasi pengurusan wakaf adalah 0.553 (nilai- $p < 0.01$), yang menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif yang sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Hasil analisis ini dapat dijelaskan bahawa responden dengan sumbangan wakaf yang positif cenderung akan mempunyai kepercayaan yang positif terhadap organisasi pengurusan wakaf. Maka Hipotesis 3 adalah diterima.

Seterusnya, nilai korelasi r untuk hubungan undang-undang wakaf dengan kepercayaan terhadap organisasi pengurusan wakaf adalah 0.478 (nilai- $p < 0.01$), menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan positif yang sederhana antara kedua-dua pemboleh ubah ini. Hasil analisis ini dapat dijelaskan bahawa responden dengan undang-undang wakaf yang positif cenderung akan mempunyai kepercayaan yang positif terhadap organisasi pengurusan wakaf. Maka Hipotesis 4 adalah diterima.

Jadual 3: Hubungan Pemboleh Ubah Bebas dan Bersandar

Pemboleh Ubah	D	K	S	U	KP
Definisi Wakaf	1				
Konsep Wakaf	0.195**	1			
Sumbangan Wakaf	0.495**	0.149**	1		
Perundangan Wakaf	0.384**	0.118**		1	
Kepercayaan	0.466**	0.049	0.553**	0.478**	1

* korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-tailed)

KESIMPULAN

Meningkatkan pengetahuan mendalam dalam literasi wakaf merangkumi pelbagai sudut dan aspek adalah amat penting, sejajar dengan prinsip Teori Tadbir Urus Wakaf, yang menekankan kepentingan pengurusan yang telus, cekap, dan bertanggungjawab bagi memastikan kesejahteraan sosio-ekonomi umat Islam. Dapatan kajian menunjukkan bahawa semua dimensi literasi wakaf termasuk definisi, konsep, sumbangan, dan perundangan mempunyai hubungan positif dengan kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan wakaf. Ini mengukuhkan premis Teori Literasi Kewangan, yang menyatakan bahawa tahap kefahaman individu terhadap aspek kewangan dan instrumen berkaitan mempengaruhi keyakinan serta sikap mereka terhadap pengurusan sumber tersebut. Kefahaman yang jelas tentang definisi wakaf menyediakan asas penting, manakala pengetahuan mengenai sumbangan dan perundangan memperkukuh keyakinan masyarakat terhadap ketelusan, keberkesanan, dan manfaat wakaf dalam pembangunan sosio-ekonomi umat Islam.

Dapatan kajian ini memberi implikasi yang penting kepada pelaksanaan Dasar Pembangunan Wakaf Negara (DPWN) dan Pelan Tindakan Ekonomi Madani (PTEM). Dari sudut sumbangan, hasil kajian menunjukkan bahawa kerajaan dan institusi pengurusan wakaf boleh menggunakan maklumat ini untuk memperkukuh dasar wakaf, meningkatkan keyakinan pewakaf dalam menyalurkan harta, serta mengenal pasti potensi sinergi antara zakat dan wakaf. Masyarakat awam pula akan lebih memahami manfaat bersama wakaf, manakala pihak akademik memperoleh asas rujukan untuk kajian lanjutan dan pembangunan model pengurusan wakaf yang lebih efektif.

Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan dimensi konsep wakaf mempunyai hubungan yang lemah dengan tahap kepercayaan masyarakat, disebabkan kekeliruan mengenai syarat sah, bentuk harta, atau had

penggunaannya. Kekaburan ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuh pendidikan dan pendedahan mengenai konsep wakaf melalui pendidikan formal, kempen kesedaran, dan platform media sosial. Strategi ini penting agar kerajaan dapat memperkemas kerangka pendidikan masyarakat, institusi zakat dan wakaf lebih giat memberi penerangan, pewakaf lebih yakin, dan masyarakat terdorong untuk menyertai inisiatif wakaf. Selain itu, pendekatan ini juga membolehkan akademik memperkaya model pengurusan wakaf yang lebih responsif dan relevan dengan perkembangan digital dan sosio-ekonomi semasa.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan sebahagian hasil dapatan daripada penyelidikan yang bertajuk “Wakaf Ekonomi Sebagai Model Baharu Pembangunan Ummah Secara Mampan” di bawah geran tajaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS). Item soal selidik serta data adalah hak milik bersama institusi dan penyelidik. dan tersedia atas permintaan.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113-152.
- Abdullah, B., & Bahari, Z. (2019). Mawquf alaih di Malaysia: isu dan cabaran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 4(26), 57-65.
- Adevita, N., Fasehdiyah, F., Rati, R. S., Oktavia, A., & Azizah, N. (2024). Efektivitas pemanfaatan aset wakaf untuk wisata halal sebagai potensi lapangan pekerjaan. *Jurnal Bintang Pendidikan Indonesia*, 2(1), 219-229.
- Altabaa, H., & Idid, S. A. (2020). Trust on islamic institution. *Journal of Islam in Asia*, 17(4), 203-219.
- Cambridge University Press. (2025). *Definition*. In *Cambridge Dictionary*. Retrieved November 16, 2025, from <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/definition>

- Herawati, L. (2020). Budaya literasi bahasa membangun daya saing bangsa. *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan*, 795–799. <http://prosiding.unma.ac.id/index.php/semnasfkip/article/view/391>
- Ibrahim, A. I., Adenan, F., Mohd Arif, M. I. A., Wan Jusoh, W. N. H., & Mat Rani, M. A. (2025). WAqf trust as an islamic asset management instrument : challenges and opportunities in Malaysia. *International Journal of Islamic Studies*, 34(4).
- Ismail, N. A., Abdul Razak, A., & Muhammad, F. (2015). Amalan wakaf dalam kalangan masyarakat Islam di Kota Bharu Kelantan. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 9, 14–25.
- Juliati, Y. S., & HRP, M. R. A. (2024). Wakaf dan dasar hukum wakaf. *Jurnal Manajemen Dan Bisnis Ekonomi*, 2(2), 63-76.
- Khamis, S. R., & Che Mohd Salleh, M. (2018). Study on the efficiency of cash waqf management in Malaysia. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 4(1), 61–84. <https://doi.org/10.21098/jimf.v4i1.732>
- Mahmood, R. H., Mustaffha, N., Musafar Hameed, L. B., & Johari, N. (2017). Pengurusan wakaf di Malaysia: Isu dan cabaran. *4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*, 2017(ICoMM), 43–51.
- Mohamad Suhaimi, A. F., & Ahmad Safri, S. (2017). Tahap kefahaman mengenai wakaf: kajian kes di Selangor. *Proceeding of the 4th International Conference on Management and Muamalah 2017 (ICoMM 2017)*e-ISBN: 978-967-2122-15-9, November.
- Mohamad Suhaimi, F. (2024). Keperluan mengenalpasti risiko dalam proses istibdal harta wakaf. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(1), 1–10. <https://doi.org/10.24191/jcis.v10i1.9>
- Mohamed, N. A., Saufi, S., Abdul Ghani, H., & Muhammad Saleh, M. (2022). *Wakaf Ekonomi Sebagai Model Baharu Pembangunan Ummah Secara Mampan*. KIAS-JAHEAIK
- Maulana, H. (2025). Implikasi wakaf produktif dalam pembangunan ekonomi masyarakat. *Karimah Tauhid*, 4(2), 1023-1040.
- Kerlinger, F. N., & Lee, H. B. (2000). *Foundations of Behavioral Research* (4th ed.). Harcourt College Publishers.
- Laporan Tahunan Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020
- Othman, M. Z. H. (1998). Wakaf dari perspektif undang-undang Islam, amalan dan permasalahannya di Malaysia. *Al-Ahkam: Undang-undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Saprida, S., Setia, R. A., Sari, W., & Aurelia, F. (2025). Implementasi dan perkembangan wakaf dalam Islam. *Ariyah: Jurnal Hukum Ekonomi Bisnis*, 1(1), 27-40.
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Muhammad Saleh, M., & Abdul Ghani, H. (2021). Hubungan tahap kefahaman masyarakat terhadap sumbangan wakaf dengan kepercayaan terhadap institusi pengurusan wakaf di Malaysia. *Al-Mimbar: International Journal of Mosque, Zakat And Waqaf Management*. <http://almimbar.kuis.edu.my>
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Muhammad Saleh, M., & Abdul Ghani, H. (2024). Literasi wakaf masyarakat di Malaysia: Mencukupi atau masih lemah? isu dan implikasi untuk institusi pengurusan wakaf. *1 st Global Waqf International Conference 2024 (1stGWIC'24)*.
- Sekaran, U. (2000). *Research Method for Business* (3rd Ed. ed.). Singapore: John Wiley & Sons Inc.
- Suhaimi, S., Mohd Yaakob, M. F., (2025) Undang-undang dalam kalangan guru-guru di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*. Global Academic Excellence.
- Sulistiani, S. L., Mulyadi, D., & Gumilar, A. S. (2021). Literasi wakaf melalui media sosial untuk meningkatkan kesadaran berwakaf . *Jurnal Ilmiah Ekonomi Islam*, 7(03), 1551–1560. [file:///C:/Users/Asus/Downloads/admin,+44.+3031-10648-2-ED \(2\).pdf](file:///C:/Users/Asus/Downloads/admin,+44.+3031-10648-2-ED (2).pdf)
- Ulfah, A. (2024). Revitalisasi pengelolaan harta benda wakaf menurut hukum Islam. *Jurnal Literasi Indonesia*, 1(3), 105-111.
- Yusoff, R., Liyana, N., Yousop, M., & Mara, U. T. (2019). *Tadbir urus wakaf : satu kajian di negeri Kelantan*. UITM